

Al-Quran: Kitab Pembangunan Sinergi Umat Manusia Sejagat

Nidzamuddin Zakaria

Email: nidzamuddin@usim.edu.my

Abdulloh Salaeh, Amran Abdul Halim, Syed Najihuddin Syed Hassan, Walid Said
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Kertas kerja ini membahaskan tentang takrifan, kedudukan dan peranan al-Quran sebagai rujukan dan panduan kehidupan dunia dan akhirat. Ciri-ciri keunggulan dan kemuliaan kitab suci al-Quran bersumberkan dalil-dalil al-Quran dan Sunnah dikemukakan dalam perbincangan topik yang dikemukakan. Di samping itu, peranan dan fungsi kitab suci al-Quran sebagai sinergi pemangkin pembangunan umat sejagat dalam menjalani kehidupan kita di dunia dan meraih kesenangan abadi di negeri akhirat nanti. Untuk itu, metod tadabur dan aplikasi kitab al-Quran ini perlu dijadikan amalan dalam usaha membumikan kurikulum langit ini sebagai *way of life* yang efisien dan tuntas. Peminggiran kitab suci al-Quran daripada kehidupan dan ketamadunan insan akan mengakibatkan kemunduran jiwa dan iman serta kehinaan berkekalan dalam kehidupan. Usaha penghayatan al-Quran ini tidak akan berjaya melainkan perkara ini berlangsung secara komited dan konsisten dalam proses pendidikan yang holistik, teratur dan bersepadu demi mencapai *Khaira Ummat* atau kecemerlangan umat manusia sejagat.

Kata kunci: *al-Quran. Kitab. Tadabbur. Sinergi. Pembangunan Umat*

MUKADDIMAH

Al-Quran merupakan kitab suci umat akhir zaman. Kitab wahyu Ilahi yang terakhir setelah kitab Taurat, Zabur, Injil dan Suhuf-suhuf kepada sebahagian Nabi. Allah s.w.t telah menurunkan kitab al-Quran ini melalui perantaraan Jibril a.s kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai kurikulum langit berupa panduan dan rujukan terpenting umat manusia dalam segenap aspek kehidupan yang relevan di segenap tempat dan di setiap zaman.

Dengan arahan sulungnya iaitu; “*Iqra* ” maka itulah inspirasi awal ke arah amalan membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan kalam Allah s.w.t itu, sekaligus menjadi pemangkin semangat bagi masyarakat Islam untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan di dunia dan di akhirat.

Penghayatan terhadap mesej yang terkandung dalam al-Quran juga dapat menyuntik motivasi diri agar lebih maju dan berjaya dalam kehidupan. Ia juga sinergi pembangunan umat manusia sejagat.

Allah s.w.t berfirman:

هَذَا بَصِيرَةٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٢٠﴾

Bermaksud:

“Al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka mata hati manusia dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya)”. (Surah al-Jathiyah:20)

Umum mengetahui bahawa membaca al-Quran mengandungi fadilat besar dan Allah s.w.t menjanjikan ganjaran pahala yang begitu banyak kepada golongan yang membaca al-Quran sebagai rutin harian mereka. Namun, fungsi sebenar al-Quran adalah sebagai sumber rujukan bagi sinergi pembangunan manusiawi yang merangkumi spiritual, mental, fizikal, psikologi, emosi, duniawi dan ukhrawi umat sejagat. Justeru, kertas kerja ini ingin mengemukakan kepentingan Kitab Suci al-Quran dalam kehidupan dan menyatakan ciri-ciri kitab panduan yang agung ini menjadi sinergi pembangunan umat sejagat.

TAKRIF AL-QURAN

Dari segi Bahasa

Al-Quran berasal dari kalimah Qara'a (قرأ) yang membawa maksud tilawah (تلا). Ia juga membawa maksud yang sama dengan bacaan dan tartil (bacaan bertajwid dan menyebut hurufnya dengan baik).

Ini sejajar dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qiyamah: 17-18;

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ﴿١٨﴾

Bermaksud:-

Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu;

Dari Segi Istilah

Al-Quran merupakan Kalam Allah s.w.t. yang bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., ditulis dalam beberapa mashaf, dipetik daripada riwayat yang mutawatir dan membacanya adalah satu ibadah.

SIFAT-SIFAT AL-QURAN

Sebenarnya, kepelbagaian sifat al-Quran ini merupakan pilihan Allah s.w.t. bersumberkan dalil yang jelas daripada kalamNya (al-Quran). Ia merupakan satu bentuk kemuliaan yang diberikan oleh Allah kepada al-Quran. Di antara sifat-sifat al-Quran adalah seperti di bawah:-

1. *al-Nur* dan *al-Mubin*

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَ كُمْ بُرْهَنٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ﴿١٧٤﴾

Bermaksud:-

Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti daripada Tuhanmu dan kami turunkan kepadamu cahaya yang terang. (al-Nisa':174)

2. *al-Mau'izah*, *al-Shifa'*, *al-Huda* & *al-Rahmah*

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَ تَكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud:-

Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu nasihat daripada Tuhanmu dan penyembuh apa yang ada di dalam hati dan petunjuk dan rahmat bagi orang yang beriman. (Yunus:57)

3. *al-Mubarak*

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ مُصَدِّقٌ لِّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَلِنُنذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَالَّذِينَ
يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ يُؤْمِنُونَ بِهِمْ وَعَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩٢﴾

Bermaksud:-

Dan inilah kitab (al-Quran) yang kami turunkan yang mengandungi berkat (banyak faedah-faedah dan manfaatnya), lagi mengesahkan kebenaran (Kitab-kitab Suci) yang diturunkan sebelumnya. (al-An`am: 92)

4. *al-Majid*

بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾

Bermaksud:-

Bahkan ia adalah al-Quran yang mulia kedudukannya. (al-Buruj: 21).

5. *al-Bashir & al-Nazir*

بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾

Bermaksud:-

Dia membawa berita yang menggembirakan (bagi orang-orang yang beriman) dan membawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar); dalam pada itu kebanyakan mereka berpaling ingkar (tidak mahu mengetahui dan memahaminya), maka dengan sebab itu mereka tidak menerima dan tidak mematuhi. (Fussilat: 4)

6. *al-`Aziz*

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالذِّكْرِ لَمَّا جَاءَهُمْ وَإِنَّهُ لَكِتَابٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾

Bermaksud:-

Sedang kitab (al-Quran) itu, demi sesungguhnya sebuah Kitab Suci yang tidak dapat ditandingi. (Fussilat:41)

7. *al-Bushra*

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ، عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ
وَهُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ

Bermaksud:-

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan Al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah. Yang mengesahkan kebenaran Kitab-kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman. (al-Baqarah: 97)

Apa yang menjadi persoalan sekarang adalah; Apakah sifat-sifat al-Quran yang agung dan hebat ini mampu tumpah dan menaungi ruang lingkup umat Islam dan kehidupan mereka apabila al-Quran itu tidak lagi dilihat sebagai *dustur* kehidupan dan landasan pentadbiran mereka? Muhammad al-Ghazali di dalam kitab *Kaifa Nata'amalu Ma'a al-Quran* (Bagaimana Komunikasi Kita Dengan Kitab al-Quran) menjelaskan bahawa keadaan muslimin dewasa ini amat berhajat kepada pengkajian yang mendalam terhadap isi kandungan al-Quran dengan membongkar semula mutiara-mutiaranya yang penuh mukjizat memandangkan respon umat Islam di kala ini berlainan dengan sikap umat Islam terhadap al-Quran pada kurun yang pertama. (Muhammad al-Ghazali dalam *Kaifa Nata'amalu Ma'a al-Quran*: 27)

Setelah berlalu kurun pertama hijrah atau seratus tahun sesudah hijrah, maka umat Islam lebih cenderung kepada al-Quran dalam aspek-aspek; pembacaan, menentukan makhraj-makhraj huruf ketika membacanya dan menyempurnakan hukum-hukum tajwid yang terkandung di dalamnya yang semakin jauh daripada usaha-usaha *tafakkur* dan *tadabbur* terhadap falsafah dan mesej murni yang tersirat di sebalik ayat-ayat Allah s.w.t yang tersurat. (Muhammad al-Ghazali: 27).

Lebih berat daripada itu adalah al-Quran semakin dekat di hati umat Islam dewasa ini dalam dimensi memohon perlindungan diri, pendinding rumah, penurunan berkat dan rahmat dalam kehidupan tanpa teransang jiwa dan maknawi mereka untuk membedah siasat dan membongkar kehebatan dan keagungan al-Quran melalui proses *tadabbur* dan *tafakkur* yang mendalam. (Muhammad al-Ghazali: 27).

Allah s.w.t telah menjelaskan sikap sebenar kita terhadap al-Quran dalam firmanNya berbunyi:-

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Bermaksud:-

Kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (wahai Muhammad) dengan penuh berkat agar mereka bertadabbur dengan ayat-ayatnya dan orang-orang yang berakal memperoleh peringatan. (Sad: 29).

IMPLIKASI MEMINGGIRKAN AL-QURAN

Muhammad al-Ghazali (1992:27) menjelaskan; Al-Quran merupakan kitab yang membentuk jiwa manusia, menyusun atur umat manusia berlandaskan manhaj hidup yang lurus dan membina ketamadunan yang cemerlang buat insan. Namun, tanpa tadabbur dan penghayatan yang mendalam terhadap isi kandungannya, maka bagaimanakah nur Qurani tersebut mampu memancar kegemilangannya kepada umat dan menyinari kegelapan hidup insani.

Allah menyeru Ahli Kitab agar menuruti Kitab Quran, lantaran Quran adalah cahaya penerang kegelapan dan sumber keterangan yang Firman Allah s.w.t yang berbunyi:-

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُو عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ ﴿١٥﴾

Bermaksud:-

Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad, s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab Suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. (al-Maidah:15).

Allah s.w.t sekali lagi menegaskan bahawa meninggalkan al-Quran bererti meminggirkan jalan yang lurus atau *mustaqim*. Ini nyata daripada kenyataan Allah s.w.t berbunyi:-

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ
الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾

Bermaksud:-

Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus. (al-Maidah:16).

Apabila kita telah meminggirkan al-Quran bererti kita tidak mengikut jalan-jalan keredaan Tuhan dan terlepas daripada kita pedoman dan penyuluh jalan kehidupan lantas tidak mempunyai tangga-tangga ketamadunan dan kegemilangan al-Quran yang tersirat di dalamnya. Di kala ini, terdapat lebih kurang lima billion manusia yang menghuni dunia yang telah terhalang daripada mencapai nur al-Quran yang terpancar sejak sekian lama hingga berakhir usia dunia. Kenapakah umat manusia boleh terhalang daripada mendapat cahaya *Rabbani* dan nur *Qurrani* yang gemilang ini? Jawapannya adalah kerana umat Islam sendiri yang telah terhibab daripada mendapatkannya dan tidak lagi memanfaatkan nur yang terkandung di dalamnya. Sudah tentu orang yang tiada apa-apa, tidak mampu menyumbang apa-apa kepada orang lain sebagaimana pepatah Arab menyebutkan; **فَأَقِمْ وَ الشَّيْءُ لَا يُعْطَى** yang memberi maksud; Orang yang kehilangan benda tidak mungkin memberi. (Muhammad al-Ghazali. 1992:27)

PENGHAYATAN DAN PEMAHAMAN AL-QURAN

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk disampaikan kepada manusia melalui perantaraan Jibril, tertulis dalam mushaf, membaca dan mendengar bacaannya menjadi ibadah dan ia merupakan mukjizat terbesar bagi Nabi Muhammad s.a.w. Al-Quran merupakan kitab suci yang paling kerap dibaca, paling banyak dihafal dan paling berpengaruh di kalangan manusia khususnya umat Islam.

Al-Quran sentiasa terpelihara dan Allahlah yang memeliharanya. Firman Allah s.w.t:-

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Bermaksud:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya. (Al-Hijr: 9)

Al-Quran membawa obor keimanan dan sifat bertawakal bagi mereka yang benar-benar meyakini dan memahaminya. Firman Allah s.w.t:-

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ
إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. (Al-Anfal:2).

Terjemah dan Tafsir al-Quran Metod Memahaminya

Al-Quran adalah wahyu Allah dan menjadi kitab suci orang Islam dan umat Nabi Muhammad s.a.w.. Ia adalah kitab hidayah dan rujukan sepanjang zaman. Umat Islam perlulah sentiasa mempraktikkan suruhan-suruhan Allah di dalamnya dan mematuhi larangan-larangan Allah. Al-Quran membimbing manusia untuk hidup bahagia di dunia ini dan juga di Akhirat.


Umat Islam disuruh membaca, mendengar, memahami dan mengamalkan segala ajaran dalam Al-Quran. Cara memahami Al-Quran pada asalnya hanyalah dengan kaedah menguasai bahasa Arab. Namun demikian, dengan peredaran zaman, Al-Quran boleh difahami melalui bahasa ibunda rakyat negara masing-masing kerana adanya usaha penterjemahan dan mentafsirkan Al-Quran dalam hampir semua bahasa utama di dunia sejak kurun ke 12 lagi. (Amini Amir Abdullah. 2012:2).

Ayat dan hukum-hakam Al-Quran tidak boleh dipinda dan dipertikaikan dari segi prinsipalnya. Kita memahami Al-Quran daripada pembelajaran. Kita juga memahami Al-Quran daripada tafsir-tafsir Al-Quran. Cara pemahaman kita terhadap Al-Quran daripada berbagai tafsir sepatutnya tidak mengelirukan kita dan membawa pertelingkahan sesama kita. Kita sepatutnya lebih memahami dan menghayati Al-Quran dengan adanya kepelbagaian tafsir. Walaupun ada tafsir yang bertentangan antara satu sama lain tentang sesuatu ayat, kita sepatutnya mengambil pendapat yang paling muktabar dan yang menjadi ijma' ulama (Amini Amir Abdullah. 2012:2).

Kita tidak seharusnya bertegang urat kerana fanatik dengan pendapat pentafsir masing-masing. Perbezaan tafsiran janganlah dijadikan sebagai punca perbalahan dan pertelingkahan apatah lagi hingga membawa pergaduhan besar. Islam adalah cara hidup yang sempurna dengan Al-Quran sebagai kitab rujukan utama yang membudayakan cara hidup Islam yang syumul, kamil dan sesuai pada sebarang tempat dan zaman. Masih banyak ayat Al-Quran yang tidak diterokai dalam konteks pembinaan peradaban dan kemajuan hidup manusia, walaupun dalam konteks aqidah dan hukum-hakam tiada sebarang masalah daripada penggalan Al-Quran.

Kita masih belum memanfaatkan Al-Quran sepenuhnya sebagai petunjuk kepada umat manusia sedangkan ia adalah kitab hidayah yang tiada sebarang keraguan padanya.

Firman Allah s.w.t:-



Bermaksud:

“Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa”. (al-Baqarah: 2).

Usaha penggalan Al-Quran perlu diteruskan bagi membongkar rahsia dan mukjizat agung ini. Penekanan kepada pembongkaran rahsia Al-Quran perlu keseimbangan dengan tidak melihat signifikan fardu ain semata-mata bahkan fardu kifayah perlu diberikan perhatian. Aspek peradaban dan kemajuan manusia Muslim di dunia selalunya terabai kerana salah faham terhadap ajaran dan tuntutan Islam yang sebenarnya. Lantas sektor-sektor yang bersifat fardu kifayah ini terpinggir daripada suluhan al-Quran dan pembongkaran ilmu yang sarat di dalam kitab suci Al-Quran meliputi bidang ekonomi, pertanian, sains, astronomi, geografi, politik, ketenteraan dan sebagainya.

Prinsip utama para orientalis apabila memperkatakan mengenai al-Quran ialah bahawa Al-Quran itu adalah percampuran unsur-unsur Perjanjian Lama, Perjanjian Baru dan berbagai sumber-sumber lain termasuklah pengaruh agama Yahudi. Al-Quran juga biasanya didakwa sebagai bukan wahyu Allah bahkan ia hanyalah semata-mata karangan Nabi Muhammad s.a.w.. Ini adalah dakwaan klasik yang telah terdengar sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Dengan memberikan andaian yang merobah keaslian Al-Quran sebagai *Kalamullah*, para orientalis bukan sahaja telah cuba merobohkan tunjang sumber peradaban Islam bahkan boleh menggugat keaslian kesemua ajaran Islam itu sendiri (Amini Amir Abdullah. 2012:2).

Wujud juga di kalangan orientalis-orientalis yang berketurunan Yahudi yang membuat kajian kerana faktor keagamaan di mana mereka cuba untuk melemahkan agama Islam dan

menimbulkan keraguan di kalangan pengikutnya terutamanya dari segi nilai yang terdapat di dalam agama Islam di samping faktor-faktor penjajahan, ekonomi, politik dan keimuan. (Afaf Abdul Ghafur Hamid. 2004: 21).¹²⁶⁹

Sebab itu barangkali wujudnya gejala Israiliyyat dalam tafsir-tafsir Al-Quran yang merupakan sebahagian daripada perancangan Yahudi. Ditonjolkan kelebihan-kelebihan agama Yahudi berbanding dengan agama Islam dan dikatakan agama Islam asalnya adalah agama Yahudi. Di samping itu, orientalis-orientalis Yahudi juga mempunyai motif politik yang mempunyai hubungan dengan pihak Zionis. (Amini Amir Abdullah. 2012:3).

Apabila seseorang orientalis telah mula mempelajari Islam dan masyarakatnya, keempat-empat prinsip di atas perlu disatukan dengan dua prinsip yang lain iaitu; Al-Quran adalah ciptaan Nabi Muhammad s.a.w. dan bukannya wahyu Allah. Al-Quran merupakan nilai-nilai agama Yahudi, Kristian dan tradisi Arab pra-Islam. Hadis pula dianggap sebagai tidak asli dan kesahihan serta autoritinya sebagai sumber kedua perundangan Islam dipertikaikan. Penekanan tafsiran Al-Quran perlulah seimbang dan tidak hanya berfokuskan kepada penegakan pendapat dan kefanikan mazhab sendiri atau terlalu *gender oriented*.

Mempercayai kandungan Al-Quran merupakan pokok akidah. Seandainya fakta Al-Quran bertentangan dengan fakta sains, maka sebagai Muslim, fakta Al-Quran adalah yang paling betul. Sebab itu Al-Quran sama sekali tidak akan bertentangan dengan fakta sains. Apabila yang dikatakan sebagai "fakta sains" itu, ia bukanlah fakta lagi dalam ertikata yang sebenar-benarnya selama mana ia masih bertentangan dengan Al-Quran. Inilah sebetulnya pendirian orang yang mengaku ia beriman dengan Allah s.w.t. Kita telah mengetahui bahawa melalui pemeriksaan DNA kita boleh mengenalpasti identiti seseorang. Hakikat ini tidak pernah dinafikan oleh sesiapaupun setakat ini. Malangnya, kita tidak mencari sebarang bukti daripada Al-Quran untuk menguatkan hakikat ini secara ekstensif. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa pengenalan identiti seseorang menerusi cap jari juga terkandung asas penjelasannya dalam Al-Quran (Amini Amir Abdullah. 2012:3).

Dengan mukjizat Al-Quranlah umat Islam mendapat hidayah Allah dan beroleh kemajuan peradaban. Pemahaman yang tepat terhadap isi kandungan Al-Quran membolehkan Islam itu sesuai dipraktikkan pada sebarang tempat dan zaman. Ulama perlu mengupas Al-Quran bagi membuktikan hakikat ini dengan tidak mengabaikan soal prinsipal. Masih banyak hikmat dan rahsia Al-Quran yang tidak dibongkar.

Rasulullah s.a.w pernah menyuruh kita mengajarkan anak-anak antaranya kemahiran berenang, menunggang kuda dan memanah. Apakah memanah itu satu bentuk keperluan masa sekarang? Apa yang penting ialah nilai daripada kemahiran memanah seperti ketepatan, ketajaman mata, kekuatan, *timing*, masa dan disiplin. Inilah nilai yang diperlukan oleh anak-anak kita. Walaupun begitu, kemahiran berenang adalah begitu tepat dengan masakini kerana

¹²⁶⁹ Sila rujuk isu ini secara terperinci dalam kitab; "*Mauqif al-Mustasyriqin min al-Quran wa al-Sunnah*" (Sikap Orientalis Terhadap al-Quran dan Sunnah) cetakan tahun 2004. Karangan Dr. Afaf Abdul Ghafur Hamid dan Dr. Said Bohrawah. Gombak: Kaci Trading.

ia menggunakan pergerakan seluruh anggota badan dan ia merupakan sukan terbaik yang pernah wujud di dunia.

Menunggang kuda juga telah terbukti di antara sukan terbaik untuk tubuh badan. Semangat sebegini diperlukan dalam pemahaman terhadap isi kandungan Al-Quran. Al-Quran perlu difahami bukan sahaja dalam bentuk tekstualnya bahkan kontekstualnya juga. Kita perlu memahami realiti masa kini. Kita menjadikan Islam sebagai Addin dalam situasi dan era millenium. Pemahaman Al-Quran perlu dilihat dalam konteks kesemasaan bukannya dalam konteks kurun pertama Hijriyyah sebab permasalahan umat Islam jauh berbeza dengan permasalahan umat terdahulu. Kita terpaksa bersaing untuk kelangsungan hidup. Perhatikanlah persekitaran dan pelajarilah daripada mereka yang berjaya. Mustahil Al-Quran tidak memberikan kita panduan tentang cara menjalani kehidupan masa kini (Amini Amir Abdullah. 2006:3).

METOD INTERAKSI DAN APLIKASI AL-QURAN

Dunia secara keseluruhannya belum pernah memperolehi sebuah kitab seperti al-Quran yang mulia ini, yang mencakupi segala kebaikan dan memberi petunjuk kepada jalan yang paling lurus serta mencakupi semua hal yang akan membahagiakan manusia. Firman Allah s.w.t berbunyi:-

Bermaksud:-

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Bermaksud:-

"Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar" (Al-Isra':9).

Antara kaedah dan cara interaksi dengan al-Quran adalah seperti berikut:-

Pertama: Belajar dan mengajar

Mereka yang tidak tahu membaca al-Quran atau tidak memahami maknanya wajib berusaha mengatasinya. Sebaik-baik waktu memulakan usaha itu adalah pada Ramadan kerana pahalanya akan berlipat kali ganda berbanding bulan lain.

Mereka yang dianugerah ilmu mengenai al-Quran hendaklah mengajarnya kepada mereka yang memerlukan. Kedua-dua golongan ini adalah orang yang terbaik di sisi Allah s.w.t seperti sabda Nabi Muhammad s.a.w bermaksud:-

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

“Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar al-Quran dan mengajarnya.” (al-Bukhari. 2002. No: 5027).

Belajar dan mengajar al-Quran bukan setakat belajar dan mengajar membacanya saja. Ia meliputi belajar dan mengajar maksud serta tafsiran ayatnya. Dalam konteks yang lebih besar dan tinggi tahap pengajiannya, maka al-Quran wajar dijadikan wadah bagi ditawarkan kursus-kursus yang membincangkan ilmu-ilmu berkaitan dengannya serta mengaitkannya dengan aplikasi semasa agar ilmu-ilmu tersebut dapat dihayati dengan semaksimum mungkin.

Ini selaras dengan perintah Rasulullah s.a.w sendiri yang menggesa umatnya agar belajar dan mengajar kedua-dua bidang pengajian ini. Ini bersandarkan hadis Nabi s.a.w yang berbunyi:-

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ
وَالْقُرْآنَ وَعَلِّمُوا النَّاسَ فَإِنِّي مَقْبُوضٌ

Maksudnya: Daripada Ibnu Umar r.a katanya, Rasulullah s.a.w bersabda; “Pelajarilah perkara-perkara fardu dan al-Quran, dan ajarkanlah kepada orang ramai kerana sesungguhnya aku akan wafat. (At-Tirmizi. 2008. No: 2170 dan Ibn Majah. 1996. 315).

Di sini, Rasulullah s.a.w, memerintah umatnya agar mempelajari al-Quran dan *al-Faraid*. Imam al-Mubarakfuri dan Imam al-Sindi menyatakan bahawa antara tafsiran para ulamak mengenai perkara-perkara fardu tersebut adalah; “Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan segala yang diwajibkan oleh Allah s.w.t ke atas hamba-hambanya”. (Mubarakfuri. 2008. 222. As-Sindi. 1996: 315).

Kedua: Membacanya Sama Ada Pada Siang Atau Malam

Allah s.w.t memuji mereka yang rajin membaca al-Quran dan menyediakan untuk mereka ganjaran besar. Allah berfirman berbunyi:-

لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ ءَانَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ
يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾

Bermaksud:-

“Ahli-ahli kitab itu tidaklah sama. Di antaranya ada golongan yang (sudah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) pada waktu malam, ketika mereka sujud (mengerjakan sembahyang)”. (Surah ali-Imran, ayat 113).

Sinergi daripada bacaan dan tadabbur al-Quran itu, memberi kesan positif dalam kehidupan manusia selaku mukmin sejati yang berdakwah dan bersifat energetik dalam melakukan perkara-perkara kebaikan. Ini dinyatakan oleh ayat Allah s.w.t berikutny:-

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

Bermaksud:-

“Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh”. (Surah ali-Imran, ayat 114).

Ketiga: Menghayati Titah Perintahnya

Al-Quran diturunkan untuk membawa petunjuk, membimbing kepada kebaikan, menjelaskan jalan benar serta jalan yang menyesatkan. Justeru, tidak cukup bagi kita sekadar membaca tanpa cuba memahami dan menghayati isi kandungannya. Allah mencela orang yang tidak mengambil pengajaran daripada kitab suci diturunkanNya.

Firman Allah berbunyi:-

﴿أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَن تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَلَ مِنَ الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَاسِقُونَ ﴿١٦﴾﴾

Bermaksud:


“Belum sampailah lagi masanya bagi orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka). Janganlah pula mereka menjadi seperti orang yang sudah diberikan kitab sebelum mereka, selepas orang itu melalui masa yang lanjut, maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang fasik”. (Surah al-Hadid, ayat 16).

Keempat: Jadikan Al-Quran Sebagai Penawar

Yakni al-Quran itu penawar hati dan juga badan manusia.

Allah s.w.t berfirman:-

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا



Bermaksud: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga” (Surah al-Isra’: 82).

“Abu Sa’id al-Khudri meriwayatkan bahawa seorang sahabat menjampi dengan surah al-Fatihah untuk merawat seorang Arab Badwi yang pengsan kerana disengat binatang berbisa. menerusi jampi itu Badwi berkenan sembuh lalu menghadihkannya 30 ekor kambing dan memberinya serta ahli rombongannya minum susu segar.” (Hadis riwayat al-Bukhari. 2002. No: 5736).

Kelima: Hafal Sebahagian Surah Atau Ayat-Ayatnya

Cara terbaik adalah menghafal keseluruhan al-Quran daripada awal hingga akhir. Bagi yang tidak berkesempatan atau tidak berkemampuan, hafal sebahagian daripadanya, khususnya ayat atau surah digalakkan membacanya setiap hari.

Ibn Abbas berkata Rasulullah s.a.w bersabda:-

عَنْ أَبِي عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الَّذِي لَيْسَ فِي جَوْفِهِ شَيْءٌ مِنَ الْقُرْآنِ كَأَلْبَيْتِ الْحَرَبِ.

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang yang tidak ada di dalam dadanya sedikitpun daripada al-Quran seperti rumah usang yang tidak berpenghuni.” (at-Tirmizi. No: 2913)

Antara surah yang sangat besar kelebihan menghafalnya ialah surah al-Mulk. Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda:-

إِنَّ سُوْرَةَ مَنْ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّىٰ غُفِرَ لَهُ وَهِيَ سُوْرَةُ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ

Maksudnya:

“Di dalam al-Quran ada satu surah yang mengandungi 30 ayat, memberi syafaat kepada seseorang (yang membacanya) sehingga diampunkan dosanya, iaitu surah al-Mulk.” (Abu Daud. No: 1400 dan at-Tirmizi. No: 2891)

Keenam: Membina Semula Keperibadian Generasi al-Quran Unik

Kelompok manusia inilah yang dinamakan oleh Syed Qutb sebagai ‘generasi al-Quran yang unik’, iaitu kelompok teras yang mulia dan telah menjayakan segala bentuk perancangan yang dibuat oleh baginda Rasulullah s.a.w. Golongan teras bertaraf mulia ini telah melalui pendidikan dan penghayatan nilai-nilai dinamik al-Quran yang ditampil dan diterjemahkan dalam setiap ciri kehidupan Rasulullah s.a.w. sebagai pendidik serta pembimbing kepada generasi al-Quran yang unik ini. Sebagai pemimpin dan juga pendidik kepada pengikutnya, Rasulullah s.a.w. berupaya mengenali setiap potensi yang ada pada setiap diri pengikutnya, dan potensi ini digilap dan diasuh secukupnya oleh Baginda sehingga daripada generasi inilah lahirnya peribadi- peribadi agung yang masih sesuai untuk diteladani hingga ke hari ini.

Di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w. semua orang mendapat peluang untuk mengembangkan potensi masing-masing, termasuk mereka yang pernah memusuhi Baginda sebelum memeluk Islam seperti Khalid Al-Walid dan Umar Al-Khattab sendiri. Tidak ada di kalangan umat Islam yang dianaktirikan atau amalan diskriminasi dipraktikkan, malah setiap pengikut Rasulullah s.a.w. dianggap sebagai ‘aset’ yang sangat bernilai. Suasana kepimpinan Rasulullah s.a.w. juga memperlihatkan kepentingan amalan budaya baik yang menyeluruh dan meluas di dalam masyarakat Islam ketika itu kerana taraf kebaikan tidak mengenal rupa paras, warna kulit, bangsa, umur atau keturunan. Begitulah juga hasrat dan cita-cita kita hari ini untuk melihat lahirnya golongan muda Islam yang bertaraf mulia memimpin masyarakat masa kini.

Di Malaysia, jumlah penduduk yang boleh disenaraikan sebagai golongan muda membentuk lebih 40 peratus daripada penduduk negara. Ini merupakan satu jumlah yang besar. Sekiranya separuh daripada jumlah ini dapat berperanan sebagai golongan yang bertaraf baik, itu sudah memadai untuk Malaysia menjadi sebuah negara yang cukup kuat di persada antarabangsa. Namun dengan jumlah yang ramai tetapi tanpa taraf kemuliaan yang diharapkan tidak akan membawa kita ke mana-mana. Bahkan kita telah diingatkan oleh Allah s.w.t. bahawa yang baik dan mulia itu tidak sama dengan yang buruk walaupun yang buruk itu kelihatan banyak, sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Maidah, ayat 100 yang berbunyi:-

قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَيْرُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَيْرِ فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي
الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

Bermaksud:-

“Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sama yang buruk dengan yang baik, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu. Oleh itu bertakwalah kepada Allah wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu berjaya”.
(al-Maidah:100).

PEMBANGUNAN SINERGI UMAT MANUSIA MELALUI AL-QURAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) Sinergi itu dapatlah dimengertikan sebagai; 1. Tindakan bersama dua atau lebih ubat, otot, dll utk menghasilkan tindakan paduan yg lebih berkesan daripada tindakan bahan tersebut secara berasingan; 2. Usaha sama antara individu atau organisasi yg hasilnya lebih baik berbanding jika dibuat secara sendirian. Apabila dikaitkan al-Quran dengan hal ini, maka isu usaha yang kolektif daripada segenap masyarakat perlu dalam mencapai pembangunan manusia sejangat.

Apabila kita meneliti pembangunan manusia melalui al-Quran, maka antara data yang boleh dirujuk di sini adalah kenyataan Imam Nawawi (1983) pula, beliau melihat pembangunan insan terangkum dalam lapan aspek yang utama. Aspek yang beliau bincangkan adalah terdiri daripada aspek pembangunan akhlak kepada Tuhan, pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan pengetahuan batasan agama. (Kamarul Azmi. 2016: 101-102).

Al-Ghazali (2004) melihat pembangunan insan merangkumi aspek berikut, iaitu pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti, dan pembangunan jiwa dan hati.

Salamon (1999) melihat aspek pembangunan dalam empat aspek, iaitu dalam bentuk pembangunan material dan spiritual, pembangunan bersepadu dunia dan akhirat, pembangunan hubungan dengan Tuhan dan hubungan dengan sesama manusia, serta pembangunan pengislahan nafsu dan benteng daripada syaitan.

Begitu juga dengan Mohd Nor (1990) membincangkan dengan mendalam aspek pembangunan insan dalam tiga dimensi, iaitu pembangunan menegak yang merujuk kepada pembangunan insan kepada Allah SWT, pembangunan mendatar yang merujuk pembangunan insan antara sesama insan yang terangkum dalamnya bidang ekonomi, sosial akhlak dan politik serta pembangunan insan mendalam yang merujuk kepada pembangunan hati, akal, roh dan nafsu.

Akhinya, Muhammad Badir (1992) melihat proses pembangunan insan berlaku sejak sebelum kelahiran bayi lagi, iaitu melalui pemilihan pasangan hidup sehinggalah saat kematian. Beliau membahaskan pembangunan dalam enam peringkat kehidupan manusia, iaitu pembangunan kanak-kanak sebelum kelahiran, pembangunan kanak-kanak ketika lahir diikuti pembangunan selepas kelahiran, pembangunan ketika remaja, pembangunan ketika kematian dan akhirnya pembangunan selepas kematian.

PENUTUP

Pembangunan ummah khususnya pembinaan golongan muda dengan didikan Qurani sangatlah penting dalam pembangunan sosial sesebuah negeri mahupun negara sementelahan generasi mudalah yang akan mewarisi tanah air ini dan mencorakkan masa depan negeri dan negara.

Maka sewajarnya diberi perhatian utama dalam agenda pembangunan negara. Pembangunan modal insan seperti mana yang diuar-uarkan kebelakangan ini oleh pemerintah mestilah diberikan perhatian yang wajar dan kesungguhan yang tinggi. Tanpa kesungguhan yang jitu maka tidak mungkin keinginan kita untuk melihat golongan pewaris yang kuat dan berkemampuan lahir untuk menghadapi cabaran hari depan. Kejayaan membina masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang lebih banyak bergantung kepada keupayaan generasi masa kini membina kecemerlangan generasi pewaris tersebut. *Wallahua'lam.*

RUJUKAN

Al-Quran

Abu Daud. Sulaiman bin Asy'ath al-Sijistani. 2009. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar Kutub Ilmiyyah.

Afaf Abdul Hamid dan Said Bohrawah. 2004. Mauqif al-Mustasyriqin min al-Quran wa al-Sunnah" (Sikap Orientalis Terhadap al-Quran dan Sunnah) Gombak: Kaci Trading.

Amini Amir bin Abdullah. 2012. *Islam Yang Dinamik*. Serdang: Penerbit UPM.

_____. 2015. *Suara Pusat Islam UPM*. Serdang: Penerbit UPM.

Bukhari. Muhammad bin Ismail bin Ibrahim al-. 2002. Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyyah.

Ghazali, Muhammad al-. 2019. *Kaifa Nata'amal Ma'a al-Quran*. Riyadh: Al-maktab al-Islami.

Ghazali, Muhammad al-. 2004. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jld. 1-5. Misr: Al-Maktabah al-Taufiqiyyah.

Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Pembangunan Insan daripada Perpektif Islam*. Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama ed., pp. 102-107). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia]

- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2016. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor, Zalinah. 1990. *Pembangunan Insan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mubarakfuri, Muhammad Abd al-Rahman bin Abd al-Rahim al- 2008. *Tuhfah al-Ahwadhi, Syarh Jami' al-Tirmizi*, Abwab al-Fara'id, Bab Ma Ja'a Fi Ta'lim Fara'id, j.6, Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Muhammad Badir, Badir. 1992. *Manhaj al-Sunnah al-Nabawiyah fi al-Tarbiyyah al-Insan*. Al-Qahirah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah bi al-Mansurah.
- Nawawi, Mahyuddin al. 1983. *Riyadh al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Salamon, Hussin. 1999. *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Kertas Kerja dalam Bengkel Pembangunan Menurut Perspektif Islam. Dewan Utama, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sindi, Abu al-Hasan al-. 1996. *Syarh Sunan Ibn Majah*. j. 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.